

## **PLURALISME AGAMA: JIHAD DALAM BIDANG PENDIDIKAN**

Nazneen Ismail<sup>1</sup>, Nurzatil Ismah Azizan<sup>2</sup>

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### **ABSTRAK**

Pluralisme agama merupakan satu ancaman besar dalam masyarakat Islam. Ia perlu diselesaikan dengan kadar segera agar tidak terus merebak dalam setiap lapisan masyarakat. Asas utama Pluralisme agama adalah semua agama adalah sama daripada aspek ketuhanan. Sedangkan hakikat sebenar adalah Islam satu-satunya agama yang benar dan Allah s.w.t satu-satunya yang diimani. Walaupun demikian Islam tidak menghalang hak-hak agama lain untuk mengamalkan agama mereka, yang menjadi kesalahan ialah menyamakan Islam dengan agama-agama lain. Penularan ideologi Pluralisme agama ini semakin serius apabila ia turut mempengaruhi pelajar-pelajar terutama pelajar peringkat menengah dan institusi pengajian tinggi. Dengan itu kertas kerja ini cuba mengupas jihad dalam bidang pendidikan dalam menangani masalah pluralisme agama di kalangan pelajar dan memberi beberapa resolusi dalam menghadapi perkara tersebut. Ini berikutan institusi pengajian dilihat sebagai medan terbaik dalam memberi faham berkenaan isu ini. Daripada kajian yang dilakukan di dapati sistem pendidikan perlu diberi nafas baru dengan memperkasa silibus pengajian sama ada bagi pihak guru di Institusi Pengajian Tinggi mahupun pelajar di peringkat rendah dan menengah.

**Kata Kunci:** Pluralisme, Jihad, Pendidikan.

## 1.0 PENDAHULUAN

Islam adalah satu-satunya agama yang meletakkan ketauhidan sebagai tunjang utama dalam kehidupan manusia. Ia adalah agama wahyu yang diturunkan Allah s.w.t kepada para nabi-Nya untuk disampaikan kepada umat manusia. Namun, di sebalik penurunan agama ini terdapat segolongan manusia yang dipengaruhi oleh hawa nafsu dan syaitan menjadikan mereka memilih untuk berpaling dan tidak menuruti agama Allah s.w.t ini.

Golongan musyrik ini digambarkan dalam al-Qur'an (22:72) sebagai mempunyai kebencian yang tinggi terhadap Islam dan umatnya. Seheinggakan pelbagai cara telah dilakukan untuk memperdaya dan menyelewengkan umat Islam agar tidak terus berada di atas jalan kebenaran. Mereka menggunakan jalan kekerasan di samping kaedah serangan pemikiran.

Di antara serangan pemikiran yang dilakukan ialah melalui penyusupan idea pluralisme agama yang dipelopori oleh John Hick sebelum ia diterima oleh sebahagian umat Islam seperti Nurcholish Majid. Lantaran itu, umat Islam perlu dipersiapkan dengan benteng pertahanan bersifat keilmuan dan pemikiran.<sup>1</sup> Setiap lontaran idea dan hujahan pihak pluralis perlu dijawab dan dicantas dengan idea dan hujahan yang bernas.

Antara sasaran golongan musuh ialah para remaja Muslim.<sup>2</sup> Ini kerana mereka melihat kesannya yang lebih besar terhadap masa hadapan umat Islam sendiri. Dengan mempengaruhi remaja Muslim, maka umat Islam akan datang bakal terdiri daripada generasi yang meminggirkan agama Islam daripada kehidupan mereka secara tidak langsung.

Justeru, cara yang terbaik dalam mempertahankan generasi masa hadapan umat Islam adalah melalui jihad pendidikan. Sistem pendidikan hari ini perlu dibangunkan supaya dapat membentuk kefahaman Islam sebenar dalam diri generasi Muslim agar terselamat daripada serangan pluralisme yang sedang giat disebar luaskan oleh musuh Islam.

---

<sup>1</sup> Hassan Muhamad Hasan. 2002. *Cara Menentang Serangan Pemikiran Terhadap Dunia Islam*. Terj. Osman b. Hj. Khalid. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

<sup>2</sup> *Ibid.*

## 2.0 SEJARAH RINGKAS PLURALISME AGAMA

Pluralisme agama berasal dari kata Plural yang membawa maksud jama' atau perkara yang lebih daripada satu. Isme pula menunjukkan aliran atau fahaman. Maka pluralisme membawa maksud satu fahaman atau aliran yang mempercayai kepelbagaian atau perkara yang lebih daripada satu.<sup>3</sup>

Istilah pluralisme agama berasal dari Barat dan berkait rapat dengan keagamaan masyarakat di sana. Secara literal pluralisme bermaksud 'satu fahaman yang mengandaikan kewujudan sesuatu hakikat yang mempunyai dua atau lebih elemen yang bebas dan terpisah'. Istilah pluralisme ini telah digunakan dalam pelbagai aspek seperti moral, politik, falsafah, ekonomi, sains dan agama.<sup>4</sup>

Seterusnya, pluralisme agama sendiri digunakan dalam pelbagai aspek sehinggalah Mohd Farid Mohd Shahrhan (2011) menyifatkan terdapat pluralisme dalam membahaskan pluralisme agama. Namun begitu, ia tidak menghalang daripada mendapatkan makna yang lebih dominan mengenai pluralisme agama ini.<sup>5</sup>

Adian Husaini (2005) memetik definisi pluralisme agama menurut Majlis Ugama Indonesia (MUI) sebagai satu fahaman yang menyeru kepada persamaan antara agama menjadikan tidak ada sesiapa berhak untuk mendakwa agamanya sahaja yang paling benar sedangkan agama lain salah.<sup>6</sup>

Ini bermakna pendukung fahaman ini cuba untuk meletakkan agama pada kedudukan yang sama kerana mereka berpegang kepada sumber semua agama adalah Tuhan yang sama. Perbezaan yang berlaku pada hari ini adalah berpunca daripada pentafsiran dan tanggapan yang berbeza setiap penganut agama.<sup>7</sup>

Manakala Mohd Farid Mohd Sahahran (2011) ketika mengulas maksud pluralisme yang dijelaskan oleh pelopor fahaman ini sebagai ia tidak bertujuan menyatakan persamaan semua

---

<sup>3</sup> Nur Farhana Abd Rahman, Prof Dr Mohd Nasir Omar, Prof Dr Idris Zakaria. 2010. Fahaman Pluralisme Agama dan Percanggahannya Dengan Akidah dan Syari'ah Islamiyah. ( Wacana Membanteras Gerakan Pluralisme Agama dan Pemurtadan Ummah ( 14 Disember 2010 ).

<sup>4</sup> Mohd Farid Mohd Shahrhan. 2011. Islam dan Pluralisme Agama: Isu-isu akidah semasa. Dlm. Seminar Al-Quran dan Cabaran Pluralisme Agama: Pengajaran Masa Lalu, Keperihalhan Semasa dan Hala Tuju Masa Depan. 19-20 Julai. IKIM.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Adian Husaini. 2005. *Islam Liberal, Pluralisme Agama & Diabolisme Intelektual*. Surabaya: Risalah Gusti

<sup>7</sup> *Ibid.*

agama dalam semua aspek sebaliknya persamaan dalam beberapa aspek utama seperti perhubungan dengan Tuhan. Ini bermakna fahaman ini akan lebih menekankan kerangka umum yang lebih banyak ciri persamaan dan berusaha menghindarkan diri dari perincian agama yang cenderung untuk memperlihatkan perbezaan.<sup>8</sup>

Fahaman yang berasal daripada perselisihan antara mazhab di dalam agama Kristian ini dilihat telah mula dihubungkan dengan agama Islam rentetan daripada peristiwa 11 September 2001 yang lalu. Wacana pluralisme ini dijadikan sebagai alat untuk menekan masyarakat Islam yang disifatkan sebagai tetap dengan pendirian kebenaran mutlak agama Islam supaya mereka bersikap terbuka dan menerima kebenaran agama lain.<sup>9</sup>

Satu perkara yang perlu difahami bahawa pluralisme agama adalah perkara yang berbeza daripada kepelbagaian agama (*religious plurality*) yang mengiktiraf kewujudan pelbagai agama dalam keadaan penganutnya tinggal di satu tempat. Hakikatnya, Islam tidak pernah menafikan kewujudan pelbagai agama dan hak beragama bagi penganut agama lain. Malah sejak zaman Rasulullah s.a.w ajaran agama lain bebas mengamalkan agama mereka selagi mereka tidak memberi kemudaratan kepada umat Islam dan tidak memerangi agama Islam.

Dapat dilihat dari aspek sejarah, Pluralisme agama sering dikaitkan dengan aliran Liberal. Dalam aliran Liberal terhadap agenda Pluralisme agama, Isu ini berlaku pada awalnya di dunia barat iaitu pada abad ke 18 dan 19. Antara agenda yang wujud dalam perjuangan mereka boleh dikategorikan kepada tiga agenda utama iaitu agenda politik dengan tuntutan demokrasi dan kebebasan berekspresi, agenda sosial dengan tuntutan dan gerakan pembebasan wanita (feminisme) dan agenda akidah dengan tuntutan pluralisme agama atau perjuangan kesamaan agama-agama.<sup>10</sup>

Aliran ini mencapai kemuncaknya apabila seringkali menjadi tumpuan perbincangan dalam seminar-seminar. Ia secara langsung menyebabkan aliran ini tersebar luas di kalangan masyarakat. Tambahan pula terdapat banyak tulisan berkaitan dengannya serta mudah didapati

---

<sup>8</sup> Mohd Farid Mohd Shahrin. 2011. Islam dan Pluralisme Agama: Isu-isu akidah semasa.

<sup>9</sup> Adian Husaini. 2005. *Islam Liberal, Pluralisme Agama & Diabolisme Intelektual*.

<sup>10</sup> Nur Farhana Abd Rahman, Prof Dr Mohd Nasir Omar, Prof Dr Idris Zakaria. 2010. *Faham Pluralisme Agama dan Percanggahannya Dengan Akidah dan Syari'ah Islamiyah*.

oleh masyarakat awam. Ia pernah dibincangkan dalam persidangan agama *World Parliament Of Religions* yang diadakan di Chicago Amerika Syarikat pada 1893.<sup>11</sup>

Pada peringkat awal, ulama Islam memandang Pluralisme agama ini sebagai toleransi beragama dan keadaan ini sememangnya dituntut di dalam Islam. Namun apabila terdapat tokoh pemikir Liberal di dunia Islam mendefinisikannya sebagai persamaan semua agama, ia mula ditolak dan ditentang oleh ulama Islam. Satu ketika Perancis menghantar deligasinya ke dunia Islam seperti Mesir untuk berbincang berkenaan penyatuan agama iaitu Islam, Kristian dan Yahudi. Mereka cuba mempengaruhi ulama-ulama Islam bahawa semua agama ini adalah sama. Sedangkan hakikatnya telah Allah s.w.t sebutkan dalam al-Quran bahawa tidak ada agama yang benar melainkan agama Islam.

Pluralisme ini didapati semakin berkembang apabila masyarakat ingin tahu kedudukan agama yang dianuti berbanding dengan agama-agama lain. Di samping itu wujud ekstrem agama yang mengakui hanya agama mereka sahaja yang benar. Ia menjadi lebih buruk apabila salah faham ini menimbulkan kekecohan sehingga terjadi pembunuhan. Apabila Pluralisme membawa konsep semua agama adalah sama-sama benar dan sama-sama menawarkan keselamatan kepada umat manusia, sama-sama sempurna dan diiktiraf benar di hadapan Tuhan, maka konsep ini didakwa dapat menghapuskan permusuhan dan salah faham umat beragama. Pluralisme juga berpegang kepada konsep setiap agama berpegang kepada kebenaran mutlak.

Daripada sisi sejarah tersebut, jelas menunjukkan bahawa terdapat musuh-musuh Islam cuba menjadi “*orang tengah*” dalam menyelesaikan kemelut agama dunia. Mereka memberi jalan keluar kepada masalah yang berlaku dengan mengatur agenda tersendiri. Mereka yang membawa aliran Prularisme agama ini tidak akan berhenti menyebarkan gerakan ini kononnya untuk menyatupadukan dunia dengan agama. Semua pihak harus sedar dan tahu agenda buruk mereka supaya ia tidak menjadi barah dalam masyarakat Islam. Dengan itu, kefahaman perlu diberikan kepada setiap lapisan masyarakat Islam, sama ada kanak-kanak, remaja atau dewasa. Medium yang sesuai dilihat sebagai perantara ialah pembelajaran perihal kepentingan agama melalui sistem pendidikan.

---

<sup>11</sup> *Ibid*

### 3.0 ANCAMAN PLURALISME AGAMA TERHADAP MASYARAKAT MUSLIM

Ancaman utama Pluralisme agama ialah hakikat ketuhanan dan keagamaan itu sendiri. Agama Islam adalah sama sekali tidak sama dengan agama lain dan Allah tidak sama dengan Tuhan-tuhan dalam agama lain. Sama sekali tidak akan mencapai titik pertemuan. Kerana Islam satu-satunya agama yang benar dan Allah satu-satunya tuhan yang berhak disembah dan diimani.

Al-Qur'an sendiri telah menjelaskan bahawa Islam agama yang sempurna yang diturunkan Allah untuk umat manusia (109:1-6, 49:13, 22:40, 2:62). Namun, pengiktirafan kewujudan tidak bermaksud pengiktirafan kebenaran. Pendirian ini jelas menerusi firman Allah s.w.t (5:3):

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya:

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu

Tambahan pula, Islam meletakkan asas tauhid sebagai dasar kebenaran agama. Ketauhidan tidak hanya bermaksud meyakini keesaan Allah s.w.t malah ia sebenarnya mencakupi seluruh hidup Mukmin. Ini bermakna Islam tidak menerima sama sekali sebarang bentuk kesyirikan beragama. Justeru, fahaman pluralisme agama yang dilihat seerti dengan syirik adalah haram untuk dipegang oleh umat Islam meskipun ia dipromosikan dengan nama kesejahteraan sejagat. Firman Allah s.w.t (3:85):

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

Maksudnya:

Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.

Kesan daripada penyebaran fahaman ini kepada masyarakat Muslim adalah berlakunya kehancuran peradaban mereka. Ini adalah di antara janji Allah s.w.t dalam firman Nya (16:36):

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ ۖ فَمِنْهُمْ مَن هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَن حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ ۚ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكذِبِينَ ﴿١٠٦﴾

Maksudnya:

dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulNya.

Ayat ini jelas memaparkan kemusnahan umat-umat terdahulu akibat daripada syirik kepada Allah s.w.t. Ia dapat dilihat melalui kesan peninggalan umat terdahulu akibat membelakangi ajaran Allah s.w.t seperti fir'aun dan kisah umat Nabi Lut a.s. Perkara yang sama juga boleh berlaku terhadap masyarakat Muslim hari ini dan akan datang seandainya fahaman pluralisme ini dijadikan pegangan dalam kehidupan.

#### **4.0 JIHAD DALAM PENDIDIKAN SEBAGAI PENYELESAIAN KEPADA PLURALISME AGAMA.**

Jihad dalam Islam sangat luas pengertian dan skopnya. Antaranya jihad yang dituntut dalam Islam ialah jihad menegakkan syiar Islam di atas muka bumi, jihad menentang kezaliman dan jihad dalam mempelajari ilmu atau menyampaikan ilmu. Namun rata-rata masyarakat Islam lebih memahami erti jihad sebagai perjuangan di medan peperangan. Sedangkan jihad dalam Islam amat luas pengertiannya melebihi maksud tersebut.

Dilihat kepada maksud asal kalimah jihad adalah *al-Juhd* yang membawa maksud keberatan dan kesusahan. Daripada pengertian tersebut jihad boleh ditakrifkan sebagai

mencurahkan daya dan tenaga kekuatan dalam usaha mencapai suatu matlamat atau cita-cita sama ada yang mulia dan ideal ataupun tidak.<sup>12</sup>

Pendidikan dalam Islam sangat luas pengertiannya, termasuk dalam pendidikan dalam Islam ialah mengenal Allah ( tauhid ), akhlak, muamalah dan setiap aspek kehidupan manusia mempunyai nilai pendidikan. Nilai pendidikan yang diterima akan menjadi satu garis panduan kepada manusia dalam kehidupan. Manusia yang berilmu dan manusia yang hidup tanpa ilmu sangat banyak perbezaan. Mulianya orang yang menuntut ilmu sehingga Allah mengangkat darjat mereka melebihi orang yang tidak berilmu. Kunci utama dalam membentuk masyarakat Islam adalah dengan ilmu, dan ilmu hanya akan diperolehi dengan membaca dan belajar mahupun pengalaman. Buktinya dalam Islam ayat yang pertama Allah turunkan kepada Rasulullah s.a.w dan tanda kerasulan Baginda s.a.w ialah “ Bacalah” (al-‘Alaq 96:1). Dan ayat tersebut berbentuk ayat perintah, ini menunjukkan peri penting ilmu dalam Islam.

Menuntut ilmu termasuk salah satu jihad dalam Islam. Ia jelas dalam firman Allah dalam Surah al-Taubah (9:122) yang maksudnya : “Tidak sepatutnya bagi orang-orang yang mu’min itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya.”

Ilmu dalam sistem pendidikan memerlukan kesepaduan dengan jihad. Imam al-Ghazali mendefinisikan ilmu sebagai suatu kepastian secara menyeluruh di mana untuk sampai kepada ilmu yang pasti perlu melalui pengalaman secara langsung.<sup>13</sup>

Kaedah utama dan asas dalam menangani masalah pluralisme adalah dengan memperkasa bidang pendidikan. Terdapat dua objek utama dalam bidang pendidikan iaitu guru atau pensyarah dan pelajar. Untuk mencapai matlamat dasar pendidikan perlu kepada guru-guru yang terlatih dan mampu membawa matlamat utama pendidikan. Guru yang terlatih tersebut perlu memberi faham kepada objek yang kedua iaitu pelajar. Latihan dan penyampaian yang berkesan

---

<sup>12</sup> Haron Din dkk. 1985. *Manusia dan Islam*. Hizbi Sdn. Bhd: Shah Alam.

<sup>13</sup> Rohizan Ya dkk. 2011. Kesepaduan Jihad Ilmu Dalam Bidang Pendidikan Islam ke Arah Meningkatkan Modal Insan. Dlm. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara ( NUN ) IV. UKM : Bangi.



perlu bagi memberi dampak yang maksimal kepada pelajar agar faham tujuan kehidupan dan ilmu itu sendiri khususnya.

Masyarakat Islam hanya boleh dididik dengan pendidikan, dan ia hanya dapat diperkasa dengan ilmu asas yang utama iaitu ilmu agama. Ia satu pegangan yang utama kepada pelajar-pelajar muslim sebelum mempelajari ilmu-ilmu lain. Keperluan mempelajari ilmu agama terlebih dahulu supaya agama menjadi pasak dalam diri untuk mengelakkan serangan anasir-anasir luar seperti Pluralisme Agama. Setelah memahami hakikat agama Islam pelajar muslim tidak akan terpedaya malah boleh menolak pluralisme agama.

Kefahaman utama yang perlu dalam pendidikan ialah mengajar dan memberi faham bahawa tidak ada agama yang benar di atas muka bumi ini selain daripada agama Islam (ali Imran 3:85). Pengiktirafan Allah s.w.t secara jelas dalam al-Quran ini menjadi pegangan semua umat Islam dan menolak sama sekali konsep pluralisme agama. Islam sebagai satu-satunya agama wahyu dan agama yang benar perlu diberi faham kepada pelajar-pelajar supaya tidak menerima agama lain selain daripada Islam. Ini kerana Pluralisme membawa konsep persamaan dari aspek ketuhanan. Sedangkan Tuhan dalam kefahaman agama lain sama sekali tidak sama dengan agama Islam.

Dalam pendidikan juga perlu ditekankan bahawa dengan penurunan al-Quran adalah kitab yang terakhir diturunkan. Al-Quran adalah sumber utama terhadap umat Islam dalam melalui kehidupan. Kitab-kitab lain sama sekali tidak boleh menyamai kitab al-Quran. Ia jelas dalam Firman Allah “dan Kami turunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan ugama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). dan kalau Allah menghendaki nescaya ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam ugama yang satu), tetapi ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya. (al-Maidah 4:48)

## **5.0 CADANGAN DALAM MEMPERKASA PENDIDIKAN BAGI MENANGANI PLURALISME AGAMA.**

- a) Kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memberi faham kepada pelajar dengan mengadakan pelbagai kempen kesedaran berkenaan bahaya Pluralisme agama. Ia boleh disalurkan melalui media massa atau apa-apa saluran kerajaan yang mudah difahami oleh pelajar. Dilihat fenomena pelajar akan mudah faham atau berminat untuk mengetahui sesuatu apabila ia sering diwar-warkan oleh mana-mana pihak. Lebih-lebih lagi jika ia disampaikan melalui teknologi ICT.
- b) Guru-guru di semua peringkat termasuk pensyarah diberi kursus, bengkel atau seminar dalam memberi faham tujuan dan matlamat pendidikan iaitu melahirkan insan cemerlang dunia dan akhirat. Serta turut diberi faham cabaran dan permasalahan semasa umat Islam terutama berkenaan Pluralisme agama.
- c) Menyusun semula silibus pengajaran dan pembelajaran di peringkat rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi. Dilihat dalam silibus pengajian kini, kurang atau boleh dikatakan tidak terdapat silibus yang memberi penekanan terhadap akidah. Walaupun di sekolah peringkat rendah mempunyai mata pelajaran ini namun pengajaran dan pembelajarannya tidak diteruskan di peringkat menengah. Silibus pengajian kini cenderung untuk mengasingkan antara mata pelajaran agama dan mata pelajaran lain. Sedangkan ilmu agama Islam dengan ilmu keduniaan lain sama sekali tidak terpisah. Pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi yang menceburi bidang sains atau kejuruteraan sebagai contoh, tidak lagi mempelajari agama atau lebih tepat tiada mata pelajaran tersebut. Oleh kerana tiada penekanan berkenaan agama maka mereka begitu terdedah kepada anasir-anasir luar yang merosakkan akidah.
- d) Melatih dan memberi faham kepada guru-guru sama ada guru peringkat Pra sekolah, peringkat rendah dan menengah mahupun peringkat institusi pengajian tinggi berkenaan keagamaan. Guru atau pensyarah sebagai satu perantara dalam menyampaikan ilmu. Mereka perlu mendalami ilmu agama disamping ilmu asas mereka sebagai pendidik. Sebagai contoh guru sains memahami teori sains dalam masa yang sama memahami hakikat agama Islam. Dalam menyampaikan ilmu duniawi turut menyerapkan ilmu ukhrawi kepada pelajar. Mengajar proses kejadian hujan dengan teori sains dan kaitkan kejadian tersebut dengan kehebatan dan kekuasaan Allah. Pihak berwajib perlu memberi

kursus atau latihan kepada semua guru atau pensyarah dalam memberi faham asas-asas pendidikan. Islam mengajar bahawa yang pertama dalam agama adalah mengenal Allah s.w.t. Ia perlu diterapkan dalam diri pelajar yang mana mereka ini akan membentuk generasi akan datang.

- e) Silibus pengajaran difikirkan boleh dilakukan penambahbaikan dengan memasukkan isu-isu semasa yang membelenggu umat Islam, antaranya murtad, pluralisme agama, keruntuhan akhlak, kesamarataan gender, dan lain-lain yang berkaitan. Ia perlu untuk memberi faham dan membuka minda pelajar-pelajar supaya memahami hakikat yang berlaku dalam dunia Islam. Mungkin pelajar boleh membaca dalam mana-mana artikel blog atau mana-mana laman sesawang, tetapi jika ia dijadikan silibus pengajaran dan pembelajaran ia akan menjadi lebih berkesan.
- f) Menjadikan mata pelajaran agama sebagai mata pelajaran wajib di Instituti Perguruan. Ia satu yang sangat penting memberi faham kepada bakal guru-guru sebelum mereka memberi ilmu kepada murid-murid mereka.
- g) Mempasakkan taqwa dalam diri semua, sama ada guru, pelajar, ibu bapa dan masyarakat amnya. Dengan taqwa kepada Allah manusia tidak sanggup malah merasa sangat takut untuk menyekutukan Allah s.w.t. Dengan adanya taqwa akan mengelakkan daripada terpengaruh dengan mana-mana anasir yang jauh daripada Islam terutamanya Pluralisme agama.
- h) Silibus pengajian Sirah Nabawiyah perlu diberi perhatian dan dikemas kini di setiap peringkat pengajian sama ada pendidikan di peringkat rendah atau menengah atau pengajian tinggi. Ia memandangkan perjalanan kehidupan Rasulullah s.a.w adalah contoh terbaik dalam membentuk masyarakat. Kajian yang mendalam terhadap ketokohan Rasulullah s.a.w mentarbiyyah para sahabat menjadi insan terpilih bukan hanya di dunia malah terpilih menjadi ahli syurga.

## **6.0 KESIMPULAN**

Prularisme agama merupakan satu ancaman kepada agama Islam. Melalui kecanggihan teknologi maklumat, fahaman ini tersebar dengan meluas sekali. Amat membimbangkan apabila pelajar-pelajar atau golongan muda terpengaruh dengan fahaman ini. Dilihat kepada sebab atau faktor

pelajar dan golongan muda terpengaruh adalah kerana mereka tidak didedahkan dengan bahaya Pluralisme agama atau lebih tepat lagi kurang pendidikan agama. Dengan pendedahan dan penghayatan akidah dalam diri pelajar yang diusahakan oleh ibu bapa atau guru, ia diharapkan dapat menjadi penyelamat kepada mereka agar tidak terpengaruh dengan dakwah ini. Antara penekanan yang seharusnya diberikan ialah keesaan kepada Allah, kebenaran agama Islam berbanding agama lain dan kebenaran Al-Quran. Perlunya para pendidik berjihad yakni bersungguh-sungguh dengan apa cara sekalipun menyampaikan ilmu yang benar serta memberi kefahaman yang sebenar berkenaan Islam. Ia teramat penting kerana guru merupakan tonggak penentu hala tuju arah pelajar-pelajar selepas mereka tamat pengajian. Pelajar adalah harapan negara dalam mengemudi negara pada masa akan datang, jika mereka tidak mampu hidup berteraskan agama ketika remaja mereka, mana mungkin mereka mampu membentuk sebuah negara Islam yang benar-benar mengamalkan Islam satu masa nanti.

## RUJUKAN

Adian Husaini. 2005. *Islam Liberal, Pluralisme Agama & Diabolisme Intelektual*. Surabaya: Risalah Gusti.

Haron Din dkk. 1985. *Manusia dan Islam*. Hizbi Sdn. Bhd: Shah Alam.

Hassan Muhamad Hasan. 2002. *Cara Menentang Serangan Pemikiran Terhadap Dunia Islam*. Terj. Osman b. Hj. Khalid. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Mohd Farid Mohd Shahrin. 2011. Islam dan Pluralisme Agama: Isu-isu akidah semasa. Dlm. Seminar Al-Quran dan Cabaran Pluralisme Agama: Pengajaran Masa Lalu, Keperihaln Semasa dan Hala Tuju Masa Depan. 19-20 Julai. IKIM.

Nur Farhana Abd Rahman, Prof Dr Mohd Nasir Omar, Prof Dr Idris Zakaria. 2010. Faham Pluralisme Agama dan Percanggahannya Dengan Akidah dan Syari'ah Islamiyah. Dlm. Wacana Membanteras Gerakan Pluralisme Agama dan Pemurtadan Ummah. 14 Disember.

Rohizan Ya Dkk. 2011. Kesepeduan Jihad Ilmu Dalam Bidang Pendidikan Islam ke Arah Meningkatkan Modal Insan. Dlm. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara ( NUN ) IV. UKM : Bangi.